

Latihan Kebakaran : Pupuk Rasa Tanggungjawab Terhadap Aspek Keselamatan Sekolah SMKTPB



Labuan, 22 Ogos – Satu sesi latihan kecemasan kebakaran telah diadakan pada di Sekolah Menengah Taman Perumahan Bedaun bermula pada 18 Ogos lalu.

Sebelum latihan dimulakan ,satu taklimat mengenai Latihan Kecemasan Kebakaran dan Protokol Latihan Kecemasan Kebakaran telah diberikan semasa perhimpunan kepada semua kakitangan sekolah oleh Guru 3K, Jawatankuasa Bertindak Keselamatan, Encik Maibistamizlan Md Salleh.

Latihan kecemasan kebakaran telah diadakan pada pukul

08.45 pagi dengan deringan siren sebanyak 3 kali. Selepas deringan siren , guru peyelaras telah menelefon Bomba dan memaklumkan situasi dan lokasi sekolah.

Guru-guru, kakitangan sekolah dan pelajar- pelajar telah menunjukkan komitmen yang sangat baik apabila berjaya mengosongkan bangunan hanya dalam masa 5 minit sahaja.

Pihak Bomba telah tiba pada jam 8.55 pagi di sekolah . Pihak bomba telah mengadakan taklimat cara -cara mengendalikan pemadam api jenis ABC.

Sesi demonstrasi memadam api telah melibatkan guru ,pelajar dan pengawal keselamatan sekolah . Selepas sesi demonstrasi , pelajar telah dibenarkan untuk melawat trak bomba .

Hasil latihan ini dianggap sebagai berjaya kerana dapat dilakukan dalam tempoh bawah 6 minit.

Pengetua sekolah, Puan Norazita Md Nor Shamsuri mencadangkan agar sesi latihan kecemasan kebakaran ini diulang semula pada masa hadapan supaya pelajar-pelajar, guru-guru dan kakitangan sekolah sentiasa berada dalam keadaan bersedia dan berjaga-jaga. Hal ini penting dalam memupuk rasa bertanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan di sekolah.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Sesi taklimat oleh Pegawai Bomba Labuan



Sesi memadam api oleh Murid



Sesi memadam api oleh Guru



Sesi memadam api oleh Pengawal Keselamatan



Murid begitu gembira dan teruja dapat menaiki kenderaan dan mengenali peralatan Bomba